**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

# KERATAN AKHBAR
## 24 JULAI 2018 (SELASA)

| AKHBAR | MUKA SURAT |
|---|---|
| **Kosmo** | |
| - Syabu bernilai RM7.8 juta dirampas | 10 |
| - Penduduk Selangor Diancam Pencemaran Kilang Plastik | 03 & 08 |

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| **KERATAN AKHBAR**<br>**24 JULAI 2018 (SELASA)** | |
|---|---|
| Akhbar | Kosmo |
| Tajuk Berita | Syabu bernilai RM7.8 juta dirampas |
| Muka Surat | 10 |

10 lelaki termasuk polis bantuan LHDN ditahan dalam serbuan di Lembah Klang

# Syabu bernilai RM7.8 juta dirampas

Kosmo 24/7/2018 m/s 10

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

**AMPANG JAYA –** Seorang polis bantuan antara 10 lelaki yang ditahan selepas terlibat dalam kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah jenis syabu bernilai RM7.8 juta dalam serbuan di sekitar Lembah Klang pada Sabtu lalu.

Dalam serbuan pukul 7.40 pagi itu, polis merampas 156 kilogram (kg) syabu yang dibungkus dalam bungkusan teh cina dan disembunyikan di dalam sebuah pacuan empat roda jenis Toyota Hilux di kawasan parkir Tesco Extra Ampang di sini.

Difahamkan, sindiket berkenaan menjadikan kawasan tempat letak kenderaan pusat beli-belah sebagai lokasi transit penyimpanan dadah sebelum diseludup ke luar negara.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman, Datuk Seri Mohmad Salleh berkata, tangkapan pertama dilakukan di kawasan parkir Tesco Extra Ampang bersama syabu bernilai RM7.8 juta.

Katanya, susulan itu pihak polis melakukan tangkapan di sekitar Lembah Klang yang membawa kepada penangkapan keseluruhan seramai 10 orang termasuk seorang anggota polis bantuan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Jelas beliau, kesemua lelaki warga tempatan berusia 25 hingga 46 tahun itu dipercayai terlibat dalam kegiatan penyeludupan dan pengedaran dadah di dalam dan luar negara.

"Serbuan dilakukan hasil kerjasama Suruhanjaya Kawalan Narkotik Kebangsaan China dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Hasil siasatan mendapati syabu seberat 156kg itu diseludup masuk dari negara jiran melalui Kelantan.

"Kita tidak menolak kemungkinan Malaysia hanya dijadikan transit sementara sebelum dadah itu dihantar ke negara ketiga. Bagaimanapun polis masih menyiasat modus operandi sindiket ini," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya di sini semalam.

Menurutnya lagi, pihak polis telah menyita dua buah kenderaan jenis Toyota Alphard dan Mercedes-Benz CLS 350 milik sindiket berkenaan.

"Selain itu, kita turut merampas barang kemas, jam tangan serta pelbagai mata wang asing.

"Kesemua suspek direman selama tujuh hari sehingga 28 Julai bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," ujarnya.



MOHMAD (dua dari kanan) menunjukkan bungkusan teh cina mengandungi dadah jenis syabu yang dirampas pada sidang akhbar di IPD Ampang Jaya semalam.

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

| KERATAN AKHBAR<br>24 JULAI 2018 (SELASA) | |
|---|---|
| Akhbar | Kosmo |
| Tajuk Berita | Penduduk Selangor Diancam Pencemaran Kilang Plastik |
| Muka Surat | 03 & 08 |



Oleh LUQMAN RIDHWAN, AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI, RASDAN AHMAD, MOHD. HAFIZI AHMAD, NORAINI HASSAN BASRI, RIDZAUDDIN ROSLAN dan AZHAR AHMAD

### Kerajaan mahu masalah pencemaran di Kuala Langat dihentikan segera

# PBT diarah tutup kilang kitar semula

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) segera menghentikan semua operasi kilang memproses sisa barang plastik di sekitar Kuala Langat, Selangor ekoran rungutan penduduk yang mendakwa diancam masalah kesihatan akibat pencemaran alam sekitar yang berlaku di kawasan tersebut.

Selain PBT, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas) turut diarah mengkaji semula pembekalan elektrik dan air ke kilang-kilang kitar semula dan tempat pelupusan sampah yang memproses sisa barang plastik yang beroperasi di daerah tersebut.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli merangkap Ahli Parlimen Kuala Langat, Dr. Xavier Jayakumar berkata, pihaknya memandang serius pembongkaran *Kosmo!* mengenai operasi kilang memproses sisa barang plastik yang aktif di kawasan Kuala Langat dalam tempoh kira-kira dua tahun lalu.

"Saya telah meminta Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat serta Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) menghentikan semua operasi kilang memproses sisa barang plastik di kawasan berkenaan.

"Pihak PBT perlu mengambil tindakan-tindakan sewajarnya mengikut undang-undang sedia ada bagi memastikan semua kegiatan kitar semula tidak menjejaskan penduduk," kata beliau ketika ditemui di lobi Parlimen di sini semalam.

Menurut beliau, Jabatan Alam Sekitar Kuala Langat pula perlu mengambil tindakan tegas terhadap pemilik kilang kitar semula yang didapati telah menjejaskan kualiti udara dan air di kawasan tersebut.

"Bagi TNB dan Syabas, pihak berkenaan harus mengkaji semula kemungkinan menghentikan segera bekalan elektrik dan air ke kilang-kilang kitar semula berkenaan," kata beliau.



RUMAH kedai terbengkalai di Pulau Indah, Kuala Langat ini dijadikan tempat pembuangan sisa barang plastik yang kini mengancam kesihatan penduduknya.



SEBUAH premis dipercayai kilang kitar semula sisa barang plastik di Telok Panglima Garang di Kuala Langat.



XAVIER



YEO BEE YIN




KERATAN *Kosmo!* semalam.

*Kosmo!* semalam mendedahkan hampir 300,000 penduduk di Kuala Langat terutamanya di Telok Panglima Garang terdedah dengan risiko pelbagai jenis penyakit termasuk kanser apabila daerah tersebut dijadikan tempat longgokan plastik kitar semula dari serata dunia.

Sumber *Kosmo!* mendedahkan, kegiatan tersebut menjadi-jadi dalam tempoh dua tahun lalu apabila dikesan terdapat 38 buah kilang dan tempat pelupusan sampah yang sedang beroperasi memproses sisa barang plastik di daerah tersebut.

Mengulas lanjut, Xavier memberitahu, tindakan turut akan dikenakan ke atas pemilik kilang kitar semula yang dibina di atas tanah pertanian yang tidak mendapat kebenaran daripada MDKL.

Dalam pada itu, kata beliau, isu operasi kilang kitar semula di Kuala Langat telah dibawa dalam mesyuarat Kabinet pada minggu lepas sebelum pihaknya mengadakan mesyuarat dengan semua ketua jabatan di PBT di daerah itu pada keesokan harinya untuk mencari jalan penyelesaian mengenai kilang berkenaan.

"Saya sendiri telah mencadangkan kepada Jemaah Menteri agar dihentikan serta-merta pengimportan sisa barang plastik dari China dengan membatalkan Lesen Import (AP) mereka selain mempersoalkan siapa yang mengeluarkan AP tersebut.

"Kita akan mendapat jawapan berhubung isu tersebut daripada Jemaah Menteri pada minggu ini," ujarnya.

Sementara itu, Menteri Tenaga, Teknologi, Sains, Perubahan Iklim dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin turut memberi amaran akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak termasuk kilang-kilang memproses sisa barang plastik yang didapati melakukan pencemaran alam sekitar.

"Kami memandang serius (isu kilang kitar semula di Kuala Langat) dan akan memastikan sesiapa yang terlibat akan menerima hukuman sepatutnya," kata beliau ketika ditemui *Kosmo!* di lobi Parlimen di sini semalam.

Menurut Bee Yin, pihaknya akan mengambil tindakan berhubung isu pencemaran alam sekitar di Kuala Langat tetapi tidak memperincikan bentuk tindakan yang akan diambil.

"Seperti saya beritahu, rancangan-rancangan (tindakan yang akan dibuat) tidak boleh dimaklumkan kepada pihak media bagi memastikan pengusaha-pengusaha (kilang kitar semula plastik) tidak tahu apa yang sedang dirancang," ujarnya yang merupakan Ahli Parlimen Bakri.

**INFO — Proses kitar semula plastik di kilang**

- Terdapat sekurang-kurangnya 38 kilang yang dikesan di Kuala Langat, Selangor sejak beberapa tahun lalu
- Kawasan kilang paling besar dilaporkan berkeluasan sehingga empat hektar di ladang kelapa sawit
- Kilang memproses sisa plastik yang dikitar semula sebelum dihantar ke tempat lain untuk dijual ke pasaran
- Kilang menggunakan taktik seperti pembakaran pada waktu malam, membina kilang di kawasan kelapa sawit serta membina tembok zink tinggi bagi menghalang pengintipan aktiviti kilang

## Exco Selangor mahu lihat sendiri aktiviti kilang kontroversi

**KUALA LUMPUR** – Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian akan membuat tinjauan di Kuala Langat, Selangor hari ini bagi melihat sendiri kilang kitar sisa barang plastik yang didakwa menjejaskan kesihatan penduduk di daerah tersebut.

Loy Sian memberitahu, beliau dan kerajaan Selangor sudah mengetahui kewujudan kilang-kilang kitar semula tersebut dan perkara itu sudah dibincangkan dalam Mesyuarat Exco yang diadakan tiga minggu lalu bagi mencari penyelesaian isu berkenaan.

"Kami telah menerima 13 aduan daripada beberapa pihak mengenai pencemaran alam sekitar di Kuala Langat dan semua aduan tersebut diteliti dalam mesyuarat Exco baru-baru ini," jelas Loy Sian semasa dihubungi semalam.



LOY SIAN

Menurut beliau, kewujudan kilang kitar semula yang dikatakan semakin banyak di Kuala Langat itu dipercayai melibatkan orang tengah yang menyalahgunakan Lesen Import (AP) untuk membawa masuk sisa barang plastik ke kilang-kilang di daerah berkenaan.

"Sebagai tindakan susulan, kita akan minta Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membekukan AP sisa barang plastik," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undang Negeri (ADUN) Kajang daripada Parti Keadilan Rakyat itu juga memberitahu, pihaknya mengakui terdapat dalam kalangan kilang kitar semula tersebut dikuasai tauke warga China yang bekerjasama dengan pengusaha kilang tempatan.

"Kami telah memberi arahan kepada pihak berkuasa tempatan dan pejabat tanah untuk menyita serta merampas premis-premis yang menjalankan kegiatan kitar semula sisa plastik," tegas beliau.

*Kosmo!* semalam melaporkan, beberapa operator kilang dari luar negara dikesan menggunakan kelemahan penguatkuasaan di Selangor dan Malaysia untuk mengaut keuntungan menerusi aktiviti memproses sisa barang plastik sehingga menjejaskan kesihatan penduduk di kawasan tersebut.

Dalam tempoh dua tahun lalu, daerah Kuala Langat digambarkan tidak ubah seperti tapak mengumpul sampah dari serata dunia sebelum ia dikitar semula. Aktiviti kilang kitar semula itu didakwa tidak dipantau pihak berkuasa malah aduan penduduk juga tidak dihiraukan.



# Ketua UMNO Kuala Langat bidas kerajaan negeri Selangor

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan negeri Selangor dibidas kerana meluluskan berpuluh-puluh kilang plastik kitar semula yang kini sedang bermaharajalela di sekitar daerah Kuala Langat di Selangor.

Ketua UMNO Bahagian Kuala Langat, Zurihan Yusof (**gambar**) berkata, status kilang itu sama ada haram atau sah bukan menjadi persoalan utama lagi kerana kewujudan premis berkenaan jelas boleh merosakkan alam sekitar dan mengundang risiko penyakit berbahaya kepada orang ramai.



"Kerajaan negeri Selangor sepatutnya menyemak semula status kilang plastik kitar semula ini kerana ia berupaya mendatangkan risiko berbahaya terutama kepada penduduk yang tinggal berhampiran premis tersebut.

"Sekiranya kerajaan negeri Selangor mahu memberikan kebenaran kepada kilang jenis ini beroperasi, satu prosedur yang ketat perlu diambil dan premis-premis itu kena sentiasa dipantau," katanya kepada *Kosmo!* malam tadi.

*Kosmo!* semalam melaporkan hampir 300,000 penduduk di sekitar daerah Kuala Langat terpaksa menanggung derita menghirup udara tercemar setiap hari apabila daerah itu dijadikan tempat longgokan beribu-ribu tan sisa pepejal plastik yang diimport dari seluruh dunia ke Selangor.

Mengulas lanjut, Zurihan berkata, sebelum ini pihaknya ada menerima aduan berhubung aktiviti kilang-kilang tersebut yang telah menimbulkan rasa kurang senang penduduk.

"Penduduk mengadu, ada di antara mereka yang mengalami masalah kesihatan.

"Sebelum ini, mereka tidak tahu puncanya, namun setelah diselidiki, ia disebabkan kesan daripada operasi kilang plastik kitar semula.

"Ternyata, proses pelupusan yang tidak mengikut prosedur malah ada yang membuat pembakaran terbuka telah menjejaskan kesihatan penduduk malah memberi kesan buruk kepada kualiti alam sekitar.

"Saya difahamkan terdapat sekitar 40 buah kilang dan pusat pelupusan plastik beroperasi di daerah ini.

"Saya mendesak agar pihak kerajaan negeri dan Majlis Daerah Kuala Langat melaksanakan siasatan lanjut mengenai dan pada masa yang sama, suatu notis pemberhentian kerja-kerja berkaitan oleh kilang-kilang ini dikeluarkan sehingga semua siasatan selesai dilakukan," tegasnya.



KEWUJUDAN hampir 40 buah kilang plastik kitar semula di Kuala Langat mengancam kesihatan lebih 300,000 penduduk di daerah itu.

## Faktor kelemahan penguatkuasaan punca sisa pepejal diimport ke negara ini

# Malaysia 'tong sampah' dunia

**KUALA LUMPUR** – Kelemahan penguatkuasaan undang-undang di Malaysia merupakan antara faktor negara ini menjadi salah satu destinasi utama untuk melupuskan sisa pepejal dan plastik dari negara-negara maju.



HAFIZAN

Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur, Universiti Sultan Zainal Abidin, Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir berkata, kebanyakan negara maju mempunyai penguatkuasaan dan peraturan pelupusan sisa pepejal yang ketat bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar.



S.PIARAPAKARAN

Beliau berkata, untuk mengelakkan sebarang masalah berkaitan perundangan, negara maju seperti United Kingdom (UK) dan Amerika Syarikat (AS) mengeksport keluar sisa sampah pepejal mereka bagi dilupuskan di negara luar yang boleh menerimanya.

"Negara-negara maju ini sudah mempunyai kadar kesedaran yang tinggi terhadap pencemaran. Undang-undang berkaitan pelupusan sampah pula dikawal dengan ketat bagi mengelakkan pencemaran berlaku. Jika ia dilupuskan tidak mengikut piawaian, tindakan drastik akan dikenakan.


Gejala bertambah buruk selepas China haramkan kemasukan sisa buangan
Sampah dunia dibawa ke Malaysia

KERATAN *Kosmo!* semalam.

"Jadi, langkah paling mudah adalah dengan mengeksport keluar sampah itu ke negara membangun yang undang-undangnya mungkin tidak dikuatkuasakan dengan ketat. Tidak dinafikan Malaysia adalah salah satu daripadanya.

"Kalau kita lihat China tidak lagi menerima sisa sampah pepejal termasuk plastik untuk dilupuskan di negara mereka kerana masalah pencemaran yang teruk. Perkara ini sudah berlaku di UK dan AS awal lagi, sebab itu peraturan mereka ketat," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Sementara itu, Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia, S. Piarapakaran berkata, tauke-tauke kilang pelupusan sisa plastik yang sudah mengetahui kelonggaran undang-undang di negara ini boleh diambil kesempatan untuk menjana keuntungan.

Beliau berkata, operator kilang yang menjalankan proses pelupusan sisa plastik tersebut tahu bagaimana untuk menjalankan operasi secara haram tanpa diambil tindakan oleh pihak berkuasa.

"Sebagai contoh, jika tauke kilang ini terima 10 tan sisa plastik. Mereka hanya akan melupuskan sebahagian sahaja sisa itu mengikut peraturan yang ditetapkan, manakala bakinya dilupuskan secara haram," dakwanya.

**EKSPORT SISA PEPEJAL PLASTIK KESATUAN EROPAH**

Kesatuan Eropah terpaksa mencari negara baharu untuk membuang sisa pepejal plastik mereka selepas China mengharamkan import sampah pada hujung tahun 2017




TIMBUNAN sisa pepejal plastik yang boleh dilihat di sebuah kilang proses plastik kitar semula di Kuala Langat.

# Import plastik naik sehingga 132 peratus sejak tahun lalu

**KUALA LUMPUR** – Malaysia merekodkan peningkatan pengimportan plastik sebanyak 132 peratus kepada 37,778 tan metrik dalam tempoh Januari hingga November 2017 berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

Selain itu, negara ini juga mencatatkan kenaikan import plastik bercampur sebanyak 292.5 peratus kepada 37,694 tan metrik pada tahun lalu.

Menurut data Institute of Scrap Recycling Industries (ISRI) yang diterbitkan menerusi portal industri sisa global *Waste Dive*, data tersebut menunjukkan manfaat awal yang diterima syarikat-syarikat kitar semula ekoran polisi pengharaman import sisa plastik dilaksanakan China yang berkuatkuasakan awal tahun ini.

**INFO** Jumlah import plastik beberapa negara Asia dari negara maju

| | 2016 (Jan-Nov) | 2017 (Jan-Nov) |
|---|---|---|
| Thailand | 1,041 | 10,153 |
| Vietnam | 16,845 | 44,716 |
| Malaysia | 16,277 | 37,778 |
| India | 58,747 | 88,155 |
| Taiwan | 14,063 | 16,575 |

*Waste Dive* berkata, walaupun pengharaman import sesetengah sisa pepejal oleh China dikuatkuasakan pada awal tahun ini, namun pasaran telah menunjukkan maklum balas mengenainya sejak pertengahan tahun 2017.

"Malaysia juga menunjukkan peningkatan sebanyak 63 peratus dalam import polyethylene terephthalate (PET) kepada 13,551 tan metrik dari Januari hingga November 2017 berbanding 8,341 dalam tempoh sama pada 2016. Malaysia juga mencatatkan kenaikan 407 peratus daripada 1,679 tan metrik kepada 8,521 tan metrik bagi polyvinyl chloride (PVC)," katanya.

PET ialah plastik botol seperti botol air mineral dan botol syampu manakala PVC ialah plastik paip dan salut wayar.

Waste Dive berkata, selain Malaysia, pasaran-pasaran seperti Vietnam dan India turut menunjukkan peningkatan dalam import sisa plastik.